

KTPK 18/4/2.01Jld.5(19)

Semua Pengarah Ukur Negeri

Setiausaha, Lembaga Juruukur Tanah Semananjung Malaysia

29 Julai 1999

**PEK. KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL. 4 TAHUN 1999**  
**Penomboran dan Margin Minima Pelan Akui**

**1. Tujuan**

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan kaedah penomboran dan dimensi ruang plotan bagi Pelan Akui.

**2. Latarbelakang**

- 2.1 Pek. KPUP bil. 6/1998 menetapkan supaya nombor Pelan Akui dikeluarkan secara bersiri mengikut saiz borang Pelan Akui A2 dan A3 bagi memudahkan penyimpanan dan carian. Walau bagaimanapun dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Data Kadaster (SPDK) didapati kaedah ini tidak lagi sesuai memandangkan imej bagi setiap PA dapat disimpan dalam Pangkalan Data Imej (SPID) dan boleh diakses terus melalui PC.
- 2.2 Penetapan dimensi bagi 'minimum margin' Pelan Akui dalam Pek. KPUP bil. 3/1985 dan bil. 6/1998 dibuat adalah berdasarkan kepada kesesuaian memplot menggunakan pemplot jenis 'flat bed' pada ketika itu. Walau bagaimanapun dimensi tersebut didapati tidak sesuai bagi memplot PA menggunakan pemplot daripada jenis 'drum' yang banyak digunakan sekarang.
- 2.3 Pengkomputeran keseluruhan proses kerja di JUPEM negeri-negeri tidak memerlukan perkataan CALS ditunjukkan selepas nombor PA seperti yang dinyatakan di Lampiran A, para (1)(1.1)(e) Pek. KPUP bil. 3/1996.

**3. Format Pelan Akui**

Penggunaan borang pelan saiz A2 dan A3 sebagaimana dalam Pek. KPUP bil. 3/1985 dan 6/1998 hendaklah diteruskan dengan dimensi format grafik dan teks bagi saiz A2 disediakan seperti berikut:

- 3.1 Format Pelan Akui bagi saiz A3 mengikut sebagaimana Pek. KPUP bil. 6/1998 manakala bagi saiz A2 dipinda seperti berikut;

<b>FORMAT</b>	<b>A</b>	<b>B</b>	<b>C</b>
Saiz	420 x 594 mm	420	420

borang pelan		x 594 mm	x 594 mm
Margin minima ruang pelotan : Atas & bawah / Kiri & kanan	20 x 20 mm	20 x 20 mm	20 x 20 mm
Ruang untuk teks	380 x 114 mm	380 x 114 mm	120 x 554 mm
Ruang untuk grafik	380 x 440 mm	554 x 260 mm	260 x 554 mm

### 3.2 Format Pelan Akui Saiz A2 Bagi Kegunaan JUBL

Pelan Akui yang disediakan oleh Juruukur Tanah Berlesen hendaklah menggunakan format yang sama beserta sijil di tempat yang sesuai.

#### 4. Penomboran Pelan Akui

4.1 Penomboran Pelan Akui hendaklah menggunakan satu siri nombor sahaja bagi semua jenis saiz borang pelan.

4.2 Perkataan 'CALS' selepas nombor PA tidak diperlukan.

#### 5. Pembatalan

Para (3.2) Pek. KPUP bil. 3/1985, Para (1)(1.1)(e) Lampiran A Pek. KPUP bil. 3/1996 dan para 4 Pek. KPUP bil. 6/1998 hendaklah dibatalkan.

#### 6. Tarikh Berkuatkuasa

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 3 bulan dari tarikh pengeluarannya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**t.t**

**(DATO' ABDUL MAJID BIN MOHAMED)**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia.

**Salinan kepada:**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan)  
Pengarah Ukur Bahagian (Penyelarasan Kadaster)  
Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan)  
Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik)

Setiausaha,  
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia

